

Peranan dan fungsi pendamping guaman

- ✓ Untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perkara undang-undang.
- ✓ Untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah, dan dengan kebenaran mahkamah, untuk bercakap bagi pihak orang yang dibantu, jika perlu.
- ✓ Untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa tindakan sivil yang boleh dibawa atau dimulakan oleh orang yang dibantu, jika ada.

Dokumen/Maklumat yang Diperlukan



Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut :



JABATAN BANTUAN GUAMAN

Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman,
Aras 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bangunan Hal Ehwal Undang Undang,
Presint 3, 62692, Putrajaya.

03 8885 1000

03 8885 1829 / 1830 / 1831



JABATAN BANTUAN GUAMAN



KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN

AKTA BANTUAN GUAMAN (PINDAAN) 2017

Apakah khidmat pendamping guaman?

Khidmat pendamping guaman adalah khidmat yang diberikan kepada seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa mana-mana kesalahan jenayah seksual.

Siapakah yang layak mendapat khidmat pendamping guaman?

Kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan jenayah seksual dan berumur di bawah 18 tahun. Pemohon mestilah masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan di mahkamah. Kanak-kanak mangsa kesalahan jenayah seksual tersebut mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia.

Siapakah yang boleh membuat permohonan khidmat pendamping guaman bagi pihak kanak-kanak?

Permohonan bagi pihak kanak-kanak boleh dibuat oleh:

- Mana-mana orang yang difikirkan oleh Ketua Pengarah boleh dilantik menjadi wakil atau penjaga adilitem kanak-kanak itu; atau
- Pelindung kepada kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).



Apakah itu kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak?

Kesalahan Jenayah seksual bermaksud apa-apa perlakuan :

- Persetubuhan atau perbuatan yang memberahikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin, dubur dengan alat kelamin atau mulut dengan dubur, antara orang yang mempunyai jantina yang sama atau berlainan.
- Perbuatan kebinatangan.
- Onani.
- Penganiayaan sadis atau masokis dalam konteks seksual.
- Menunjukkan bagi maksud seksual alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubik atau dubur.
- Penggunaan apa-apa objek atau perlatan bagi perbuatan yang memberahikan.
- Membuat, menghasilkan, mengarahkan perbuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak.
- Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak.
- Lain-lain kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Siapakah yang layak dilantik sebagai pendamping guaman?

Pendamping guaman terdiri daripada :

- Pegawai undang-undang dari skim perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang ditempatkan di JBG; atau
- Panel peguam yang dilantik oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

Adakah permohonan bagi khidmat pendamping guaman mesti melalui ujian kelayakan kemampuan seperti khidmat guaman yang lain?

Sumber kewangan hanya diambil kira bagi menentukan jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh pemohon bagi perkhidmatan pendamping guaman yang diberikan, jika permohonan diluluskan. Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menolak daripada meluluskan khidmat pendamping guaman kepada pemohon jika Ketua Pengarah mendapati adalah tidak munasabah atau tidak sepatutnya khidmat pendamping guaman diberikan kepada pemohon dalam hal keadaan sesuatu kes.

Bilakah Permohonan khidmat pendamping guaman boleh dibuat?

Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa selepas laporan polis dibuat.

Bagaimana untuk memohon khidmat pendamping guaman?

Permohonan khidmat pendamping guaman mesti dibuat dengan mengisi borang yang disediakan dan membekalkan beberapa maklumat penting kepada JBG.

